

05 MAR 1999

SABAH: DR MAHATHIR BERI PENGHORMATAN TERAKHIR BAGI CLARENCE MANSUL

KOTA KINABALU, 5 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi penghormatan terakhir kepada bekas Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Clarence Mansul yang meninggal dunia di Hospital Kuala Lumpur pada Selasa.

Dr Mahathir singgah di Penampang dekat sini untuk mengunjungi keluarga mendiang selepas berucap di majlis bersama rakyat di Papar petang tadi.

Turut serta untuk memberi penghormatan terakhir itu ialah Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok dan Timbalan Ketua Menteri Datuk Osu Sukam.

Mansul, 58, meninggal dunia kerana sakit jantung dan akan dikebumikan esok.

Perdana Menteri berada di situ selama 10 minit dan menyampaikan takziah kepada anggota keluarga mendiang Mansul, termasuk anak ketujuhanya Benedict Sakunil yang merupakan calon Parti Bersekutu bagi Moyog.

Benedict, 23, merupakan calon termuda daripada 199 calon yang akan bertanding dalam pilihan raya negeri Sabah pada 12-13 Mac ini.

Mendiang Mansul, akan dikebumikan di tanah perkuburan katolik di Batu 4.5 Jalan Penampang esok, selepas dibawa ke gereja Holy Nativity di Kampung Terawi pada 11 pagi.

Mansul meninggalkan seorang isteri, Annie Kong, 51, lapan orang anak dan sembilan cucu.

-- BERNAMA

JS PR